

Terma dan Syarat
Kad Debit MasterCard TRUE – Kempen TRUE@Uni UM

1.0 Definisi

1.1 Bagi tujuan Terma dan Syarat ini, perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan yang berikut akan membawa maksud yang ditetapkan kepadanya melainkan konteks menghendaki sebaliknya:-

“**Penganjur**” bermaksud AmBank (M) Berhad (No. Syarikat : 8515-D), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965, dengan alamat berdaftar di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, No. 55, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur (dirujuk sebagai pihak Bank).

“**Kumpulan AmBank**” merujuk kepada semua Syarikat Berkaitan dan Syarikat Bersekutu pihak Bank sama ada yang diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia, yang sedia ada sekarang atau di masa hadapan dan rujukan kepada 'Kumpulan AmBank' di dalam Terma dan Syarat ini, hendaklah merangkumi semua atau sebarang entiti di dalam Kumpulan AmBank.

“**Kempen**” bermaksud “Kad Debit MasterCard TRUE – Kempen TRUE@Uni UM” dianjurkan oleh pihak Bank menurut Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini.

“**Kad Debit MasterCard TRUE**” bermaksud akaun gabungan yang terdiri daripada Akaun Transaksi TRUE dan Akaun Penyimpanan TRUE (dirujuk sebagai “Akaun Penyertaan”).

“**Akaun Transaksi TRUE**” bermaksud akaun gabungan dengan Kad Debit Mastercard TRUE yang menawarkan transaksi dalam talian Interbank GIRO (IBG) tanpa had secara percuma, 5 pengeluaran wang tunai MEPS secara percuma dan akses mudah ke rangkaian MEPS ATM di seluruh Malaysia. Akaun ini layak untuk perlindungan daripada PIDM.

“**Akaun Penyimpanan TRUE**” bermaksud akaun gabungan dengan Kad Debit Mastercard TRUE yang menawarkan kadar faedah setinggi 2.8% setahun dengan had pengeluaran wang tunai sebanyak 3 kali sebulan. Caj RM5 + RM0.30 (CBP) akan dikenakan untuk pengeluaran ke-4 dan seterusnya. Akaun ini layak untuk perlindungan daripada PIDM.

“**Akaun Deposit AmBank**” bermaksud akaun yang aktif sama ada Akaun Semasa ataupun Akaun Simpanan yang dipegang oleh pelanggan AmBank sebelum tempoh kempen.

“**Notis terlebih dahulu**” bermaksud tempoh sekurang-kurangnya 3 hari notis hendaklah diberikan oleh pihak Bank.

1.2 Perkataan-perkataan yang merujuk kepada orang hendaklah merangkumi orang-orang yang hidup dan, jika dan di mana berkaitan, badan atau orang-orang diperbadankan atau tidak diperbadankan. Perkataan-perkataan yang merujuk kepada kata tunggal hendaklah juga termasuk bentuk jamak dan sebaliknya. Perkataan-perkataan yang merujuk kepada jantina lelaki hendaklah termasuk jantina perempuan atau jantina neuter.

1.3 Istilah “Syarikat Bersekutu” akan membawa maksud yang diperuntukkan kepadanya di bawah Seksyen 2(1) dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Istilah “Syarikat Berkaitan” akan membawa maksud yang sama yang diperuntukkan kepadanya di bawah Seksyen 6 dalam Akta Syarikat 1965.

2.0 Tempoh Kempen & Kelayakan

2.1 Kempen ini akan bermula dari 1 Mac 2016 sehingga 3 Mac 2016 (termasuk kedua-dua tarikh dan dirujuk sebagai “**Tempoh Kempen**”) atau apabila memenuhi 300 orang pelanggan yang pertama, yang mana lebih awal. Pihak Bank berhak untuk mengubah atau meminda Tempoh Kempen dengan memberi notis terlebih dahulu.

2.2 Kempen ini dibuka kepada semua pelanggan individu baru dan pelanggan individu Bank yang sedia ada yang membuat permohonan untuk Kad Debit MasterCard TRUE (dirujuk sebagai “Akaun Penyertaan”) melalui:

- a) Permohonan dalam talian dari 24 Feb hingga 29 Feb 2016 (termasuk Kedua-dua tarikh) melalui laman sesawang www.truebyambank.com
- b) Permohonan dari 1 Mac hingga 3 Mac 2016 (Termasuk kedua-dua tarikh) di Universiti Malaya

(dirujuk sebagai “Pelanggan yang Layak”).

2.3 Individu/entity berikut tidak layak untuk menyertai Kempen ini:-

- Pekerja-pekerja tetap dan/atau kontrak Kumpulan AmBank (termasuk subsidiari dan syarikat berkaitan) dan ahli keluarga terdekat mereka (pasangan, anak-anak dan ibu bapa);
- Wakil, vendor dan/atau agen (termasuk agen pengiklanan dan promosi) Kumpulan AmBank (termasuk subsidiari dan syarikat berkaitan) dan ahli keluarga terdekat mereka (pasangan, anak-anak dan ibu bapa);
- Pemilik tunggal, Perkongsian, Pertubuhan Kebajikan Tanpa-keuntungan / Pertubuhan, Kerajaan / Badan Berkanun dan Pelanggan Korporat; dan/atau
- Individu yang berumur di bawah lapan belas (18) tahun

3.0 **Mekanik Kempen**

3.1 50 orang pelanggan yang pertama yang mendaftar untuk Kad Debit MasterCard TRUE bermula dari 24 Feb 2016 hingga 29 Feb 2016 berhak untuk menerima hadiah pendaftaran terawal (termasuk kedua-dua tarikh dan dirujuk sebagai “Pendaftaran Terawal”)

Kriteria	Ganjaran	Bilangan hadiah
1) Membuat permohonan dalam talian bagi Kad Debit MasterCard TRUE dari 24 Feb hingga 29 Feb 2016 melalui laman sesawang www.truebyambank.com	Starbucks Card bernilai RM10	50

- a) Pelanggan sedia ada AmBank Deposit akan menerima Kad Debit MasterCard TRUE mereka melalui mel pos ke alamat surat-menyurat yang diselenggara di bawah rekod Bank untuk permohonan melalui laman sesawang.
- b) Pelanggan baru AmBank Deposit boleh memilih untuk menerima Kad Debit MasterCard TRUE di booth kaunter AmBank TRUE dari 1 Mac 2016 hingga 3 Mac 2016, mulai jam 10.00 pagi hingga 4.00 petang ataupun mengambil Kad mereka di mana-mana cawangan AmBank.

3.2 Disamping itu, 300 orang pelanggan pertama yang membuat permohonan melalui laman sesawang dari 24 Feb 2016 hingga 29 Feb 2016 dan/atau semasa Tempoh Kempen yang memenuhi kriteria-kriteria berikut akan menerima ganjaran wang tunai selepas Tempoh Kempen.

Kriteria	Ganjaran	Bilangan hadiah
1) Membuat permohonan Kad Debit MasterCard TRUE dan deposit (terkumpul) di antara RM100 - RM499 ke dalam Akaun Transaksi / Penyimpanan TRUE dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh pembukaan akaun.	RM15	200
2) Membuat permohonan Kad Debit MasterCard TRUE dan deposit (terkumpul) minima RM500 ke dalam Akaun Transaksi / Penyimpanan TRUE dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh pembukaan akaun.	RM30	100

Contoh-contoh:

Senario A: Pelanggan yang Layak telah membuat deposit sebanyak RM500 pada 3 Mac 2016 ke dalam akaun yang telah berjaya dibuka pada 1 Mac 2016 (1 bulan dari tarikh pembukaan akaun). Jika dia adalah salah seorang dari 300 orang pelanggan terawal untuk melengkapkan kriteria ini, dia berhak untuk mendapat ganjaran tunai sebanyak RM30.

Senario B: Pelanggan yang Layak telah membuat deposit sebanyak RM100 pada 3 Mac 2016 dan juga mendeposit sebanyak RM450 pada 15 Mac 2016 ke dalam akaun yang telah berjaya dibuka pada 2 Mac 2016 (1 bulan dari tarikh pembukaan akaun). Jika dia adalah salah seorang dari 300 orang pelanggan terawal untuk melengkapkan kriteria ini, dia berhak untuk mendapat ganjaran tunai sebanyak RM30.

Senario C: Pelanggan yang Layak telah membuat deposit sebanyak RM100 pada 3 Mac 2016 ke dalam akaun yang telah berjaya dibuka pada 1 Mac 2016 dan tidak lagi membuat sebarang deposit sepanjang tempoh kempen (1 bulan dari tarikh pembukaan akaun). Jika dia adalah salah seorang dari 300 orang pelanggan terawal untuk melengkapkan kriteria ini dia berhak untuk mendapat ganjaran tunai sebanyak RM15.

Senario D: Pelanggan yang Layak telah membuat deposit sebanyak RM80 pada 3 Mac 2016 ke dalam akaun yang telah berjaya dibuka pada 1 Mac 2016 dan tidak lagi membuat sebarang deposit sepanjang tempoh Kempen (1 bulan dari tarikh pembukaan akaun). Dia tidak berhak untuk mendapat sebarang ganjaran tunai.

Senario E: Pelanggan yang Layak telah membuat deposit sebanyak RM300 pada 3 Mac 2016 ke dalam akaun yang telah berjaya dibuka pada 1 Mac 2016 dan tidak lagi membuat apa-apa deposit selepas itu (1 bulan dari tarikh pembukaan akaun). Jika dia adalah salah seorang dari 300 orang pelanggan terawal untuk melengkapkan kriteria ini dia berhak untuk mendapat ganjaran tunai sebanyak RM15.

- 3.3 Untuk layak menyertai Kempen ini, Akaun Penyertaan mestilah aktif semasa Tempoh Kempen, seperti yang ditentukan oleh pihak Bank mengikut budi bicara mutlaknya dengan memberikan notis yang mencukupi kepada pelanggan.
- 3.4 Status aktif bermaksud sekurang-kurangnya satu (1) transaksi berasal dari pelanggan (misalnya transaksi AmOnline, Arahan Tetap (SI), transaksi runcit atau mesin layan diri) yang dilaksanakan oleh pemegang akaun. Jika tidak, kelayakan untuk Pelanggan yang Layak akan dibatalkan.
- 3.5 Setiap Pelanggan yang Layak hanya berhak untuk menerima satu (1) ganjaran hadiah sepanjang tempoh berkempen apabila memenuhi kriteria dalam fasal 3.1 di atas dan juga menerima satu (1) ganjaran wang tunai sepanjang tempoh berkempen apabila memenuhi kriteria dalam fasal 3.2 di atas. Sekiranya Pelanggan yang Layak juga berhak untuk memenangi dalam kempen Kad Debit MasterCard TRUE lain yang dianjurkan oleh Bank, dia hanya layak untuk menerima satu (1) hadiah (contohnya. Ganjaran tunai , hadiah , dan lain-lain), yang mana lebih tinggi dari segi nilai.
- 3.6 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang cukai termasuk kos sampingan, caj dan / atau ganti rugi yang disebabkan oleh ganjaran wang tunai. n
- 3.7 Pihak Bank mempunyai hak dan budi bicara mutlak untuk mengubah / menyemak / meminda kriteria pemilihan / mekanisme / proses terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan adalah patut dan perlu pada bila-bila dengan notis terlebih dahulu bagi tujuan tersebut.

4.0 Pendaftaran Terawal

- 4.1 Pelanggan yang Layak yang memenuhi terma dan syarat dalam fasal 3.1 diperlukan untuk menebus hadiah di booth kaunter AmBank TRUE dari 1 Mac 2016 hingga 3 Mac 2016, mulai jam 10:00 pagi hingga 4:00 petang di Universiti Malaya dan jika tidak, ganjaran bagi Pelanggan yang Layak akan dibatalkan.

- 4.2 Pelanggan yang Layak dikehendaki hadir dan membawa Kad Pengenalan (rujuk NRIC) dan / atau akaun kod rujukan kepada permohonan melalui laman sesawang untuk penebusan hadiah di booth kaunter AmBank TRUE dari 1 Mac 2016 hingga 3 Mac 2016, mulai jam 10:00 pagi hingga 4:00 petang di Universiti Malaya dan jika tidak, ganjaran bagi Pelanggan yang Layak akan dibatalkan.

5.0 Pengkreditan Ganjaran Wang Tunai

- 5.1 Ganjaran wang tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan Pelanggan yang Layak, iaitu Akaun Transaksi TRUE dalam tempoh 60 hari bekerja dari tarikh tamat Tempoh Kempen.
- 5.2 Ganjaran wang tunai tidak boleh dipindah milik
- 5.3 Pelanggan yang Layak yang berhak untuk menerima ganjaran wang tunai akan dimaklumkan oleh pihak Bank melalui e-mel pengesahan kepada alamat e-mel yang didaftarkan di bawah rekod Bank, atau melalui apa-apa bentuk komunikasi yang lain mengikut budi bicara tunggal dan hak mutlak pihak Bank.
- 5.4 Ketika tempoh pemilihan sehingga tempoh untuk memberitahu Pelanggan yang Layak yang berhak untuk menerima ganjaran wang tunai, tertakluk dengan kepuasan pihak Bank, Akaun Penyertaan Pelanggan Layak MESTI aktif, dan jika tidak, pihak Bank dengan budi bicara tunggal dan hak mutlak, berhad membatalkan kelayakan Pelanggan yang Layak tersebut.
- 5.5 Bagi mengelakkan keraguan, Pelanggan yang Layak berhak menerima ganjaran tunai maksimum sebanyak RM30, sebaik sahaja ia memenuhi semua syarat-syarat yang dinyatakan dalam fasal 3.1.
- 5.6 Pihak Bank mempunyai hak dan budi bicara penuh untuk mengubah, menambah, membatalkan atau menggantikan hadiah wang tunai untuk hadiah-hadiah lain yang bernilai runcit yang sama dengan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan yang Layak untuk apa-apa sebab sekalipun.

6.0 Umum

- 6.1 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju dan akan patuh kepada Terma dan Syarat ini dan telah membaca dan memahami Notis Privasi Kumpulan AmBank, yang boleh didapati di www.ambank.com.my.

Setiap Pelanggan yang Layak menjamin bahawa sebarang maklumat yang diberikan dalam melaksanakan Kempen ini (termasuklah tetapi tidak terhad kepada nama, butiran dan nombor telefon dan/atau alamat) adalah benar, tepat, sah, terkini dan boleh dipercayai oleh pihak Bank.

- 6.2 Pihak Bank mempunyai hak dan budi bicara mutlak (tanpa memberi apa-apa sebab) untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah kepada mana-mana Terma dan Syarat yang ditetapkan di sini, secara keseluruhan atau mana-mana bahagian dari semasa ke semasa termasuk untuk menamatkan Kempen lebih awal atau melanjutkannya atau untuk mengubah ganjaran tunai kerana ia dianggap perlu atau sesuai dengan notis terlebih dahulu melalui laman web rasmi atau notis di cawangan Bank atau saluran komunikasi lain mengikut budi bicara tunggal dan mutlak pihak Bank.
- 6.3 Pihak Bank mempunyai hak dan budi bicara mutlak untuk menyingkirkan Pelanggan yang Layak dari menyertai Kempen sekiranya Pelanggan yang Layak tersebut didapati memberikan maklumat tidak benar atau melakukan penipuan dengan sebarang cara sepanjang Tempoh Kempen. Hak yang sama oleh pihak Bank akan digunakan sekiranya berlaku pelanggaran atau berpotensi melanggar Terma dan Syarat ini oleh Pelanggan yang Layak.
- 6.4 PihakBank mempunyai hak untuk menerbitkan atau memaparkan dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang difikirkan perlu dan sesuai (termasuk tetapi tidak terhad kepada) nama,

kad pengenalan yang disulitkan, gambar, dan bandar kediaman daripada Pelanggan yang Layak kempen ini yang berhak untuk meriwa ganjaran wang tunai untuk tujuan pengiklanan dan publisiti. Dengan menyertai Kempen ini, pemenang membenarkan dan bersetuju bahawa pihak Bank adalah bebas untuk menerbitkan nama, gambar, nombor kad pengenalan yang disulitkan, bandar kediaman untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.

- 6.5 Keputusan Bank berkenaan dengan semua perkara dan / atau pertikaian yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan sebarang surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayan .
- 6.6 Semua transaksi urus niaga yang direkodkan oleh Bank adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan.
- 6.7 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Pelanggan yang Layak tidak berhak untuk membuat sebarang tuntutan dan / atau pampasan terhadap pihak Bank bagi sebarang dan/atau semua kerugian dan/atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak atau mana-mana pihak yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung sebagai akibat dari pihak Bank menjalankan hak dan kelayakan menurut Terma dan Syarat ini (termasuk tetapi tidak terhad kepada hak dan kelayakan pihak Bank di bawah fasal 2, 3, 4 dan 5 di atas) dan / atau keadaan yang timbul daripada penyertaan dalam Kempen ini.
- 6.8 Terma dan Syarat ini akan mengatasi mana-mana peruntukan dan / atau perwakilan lain yang terkandung dalam mana-mana bahan promosi lain yang mengiklankan Kempen ini.
- 6.9 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kemungkiran berkenaan dengan Kempen ini yang disebabkan oleh bencana alam, peperangan, rusuhan, mogok, sekat masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, teknikal atau kegagalan sistem atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah pihak Bank.
- 6.10 Semua Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini akan ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.
- 6.11 Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau konflik di dalam tafsiran Terma dan Syarat ini, versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia bagi setiap Terma dan Syarat ini hendaklah dianggap sebagai serupa, dan setiap Terma dan Syarat yang ditetapkan membawa makna yang sama.